

## **FAKULTI KEJURUTERAAN AWAM & SUMBER ALAM (FKASA)**

### **1. Anugerah Penghargaan Industri – CIDB**




Dr. Ahmad Tarmizi Haron, Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Pasca Siswazah) Fakulti Kejuruteraan Awam dan Sumber Alam telah menerima Anugerah Penghargaan Industri CIDB-BIM 2015 yang telah diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) sempena Hari BIM Kebangsaan 2015. Anugerah tersebut telah disampaikan oleh Y. Bhg. Datuk Seri Zohari Akob, Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya, sebagai tanda penghargaan kepada syarikat dan individu yang menunjukkan inovasi cemerlang melalui pelaksanaan sistem Membangunkan Model Maklumat (BIM) yang berkaitan Teknologi Pemodelan Maklumat Bangunan. UMP juga merupakan satu-satunya universiti awam menerima anugerah penghargaan tersebut.

### **2. Memorandum Persefahaman antara UMP dengan JKR**



Pada 26 November 2015 bertempat di Cyberview Resort & Spa, Cyberjaya, Selangor, Universiti Malaysia Pahang (UMP) diwakili oleh YH Prof. Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, Naib Canselor telah menandatangani satu memorandum persefahaman dengan Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia yang diwakili oleh Ketua Pengarah JKR, YBhg. Datuk Ir. Hj. Adanan Mohamed Hussain dalam agenda Building Information Modelling (BIM) di Malaysia. Secara umumnya, memorandum persefahaman ini meliputi bidang akademik, penyelidikan dan perundingan untuk BIM. Pertukaran dokumen memorandum persefahaman ini telah diadakan pada 29 November 2015 di UMP Pekan disaksikan oleh YB Menteri Pendidikan Tinggi, Dato' Seri Idris Jusoh.

### 3. Pensyarah Pelawat di Yamaguchi University, Jepun



Dr. Muzamir Hasan telah menerima jemputan sebagai Pensyarah Jemputan di Yamaguchi University, Jepun pada 24 hingga 27 November 2015. Sepanjang beliau di sana, beliau telah menyampaikan dua siri syarahan bertajuk *Research on Geotechnical Engineering in Malaysia* dan *Global Engineering Education in UMP* kepada pelajar-pelajar dan kakitangan di Yamaguchi University. Selain itu, beliau juga telah dibawa melawat makmal kejuruteraan geoteknik di Jabatan Kejuruteraan Awam di universiti tersebut untuk melihat dan mencuba peralatan canggih makmal di sana. Sepanjang lawatan tersebut, beliau juga telah berbincang mengenai potensi kerjasama antara UMP dengan Yamaguchi University dalam bidang akademik dan penyelidikan untuk manfaat kedua-dua pihak.

### 4. Akreditasi Program


Pada 14 & 15 September 2015, FKASA telah dikunjungi oleh wakil audit daripada Engineering Accreditation Council (EAC) bagi mendapatkan status akreditasi program Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Kejuruteraan Awam yang ditawarkan oleh FKASA. Panel Penilai daripada EAC terdiri daripada YBhg. Prof. Kol. Ir. Prof. Dr. Norazman Bin Mohamad Nor, Ir. Che Maznah Mat Isa dan Ir. Mohamad Darus Selamat.

## 5. Geran Penyelidikan

Senarai geran penyelidikan bagi tahun 2015

| BIL | KETUA PROJEK                       | TAJUK PENYELIDIKAN   | JUMLAH PERUNTUKAN |
|-----|------------------------------------|--|-------------------|
| 1   | Dr. Muzamir B Hasan                | Stabilization of Fine-Grained Soils with Lime-Silica Fume Mix  | RM2,500.00        |
| 2   | Dr. Intan Suhana Bt Mohd Razlan    | Modelling of The Effect of Signalized Intersection Environment Factor towards the Safety of Road Users   | RM20,000.00       |
| 3   | Dr. Ngien Su Kong                  | Image Analysis of Non Aqueous Phase Liquid (NAPL) Migration in Dual Porosity Soil  | RM4,000.00        |
| 4   | Dr. Mohd Yuhyi bin Mohd Tadza      | Transfer of Energy Efficient Ground Exchanger System for Improving Thermal Comfort of Building Indoor Environment  | RM169,893.75      |
| 5   | Dr. Ahmad Tarmizi Bin Haron        | Building Information Modelling Technical Training (Bim-Tt) : Revit 2014 with Actual Industrial Data On-The Job Training  | RM149,640.00      |
| 6   | Dr. Abolghasem Akhbari             | Development Of GIS-Based Flood Inundation Entent By Incorporating Change Detection And Image Fusion With 2D Numerical Flood Modeler in Kuantan River Basin                     | RM95,200.00       |
| 7   | Dr. Nurul Nadrah Aqilah Bt Tukimat | Forecasting The Future Flow Characteristics of Pahang River Basin with Climate Change Adaption   | RM76,200.00       |
| 8   | Dr. Muzamir B Hasan                | Strength and Compressibility of Soft Clay Reinforced with Encapsulated Bottoh Ash Columns  | RM67,800.00       |
| 9   | Dr. Jacqueline Isabella Anak Gisen | Revised Estuary Shape Equation and its Effect on Salinity Intrusion in Estuaries   | RM5,500.00        |
| 10  | Dr. Chin Siew Choo                 | Elucidation on The Effect of External Strenghtening Technique by Bamboo Fiber Composite to the Mechanical Properties & Durability of RC Beams with Openings in the Shear Zones | RM58,150.00       |
| 11  | Pn. Rokiah Bt Othman               | Properties of Foamed Concrete Containing Eco Process Pozzolan as Partial Cement Replacement  | RM27,000.00       |
| 12  | Pn. Shairul Rohaziawati Bt Samat   | Intensity -Duration-Frequency (IDF) Curves & Rainfall Temporal Pattern Development   | RM20,950.00       |
| 13  | Dr. Bambang Winarta                | River and Overland Flow Model for Flood Mitigation Scenarios   | RM39,150.00       |
| 14  | Dr. Nurul Nadrah Aqilah Bt Tukimat | Future Trend Projection of Climate Change Impact & Weather Prediction  | RM30,500.00       |
| 15  | Dr. Mohamad Idris Ali              | Kajian Pelan Tindakan Kecemasan (ERP) Empangan Chereh, Sungai Lembing, Kuantan   | RM253,066.23      |

## 6. Khidmat Teknikal & Rundingan



## 7. Penyertaan dan Kejayaan dalam Pameran & Konferensi

| BIL. | AKTIVITI / PAMERAN   | TARIKH / TEMPAT  | PINGAT           | NAMA PENYELIDIK   | PRODUK / ANUGERAH   | PERINGKAT    |
|------|--|--|------------------|---|---|--------------|
| 1    | World Water Day 2015   | Auditorium JPS Ampang KL 12 Mei 2015                     | Emas             | Dr. Nurul Nadrah Aqilah Binti Tukimat   | Best Thesis in Water Category   | Kebangsaan   |
| 2    | Creation, Innovation, Technology & Research Exposition (CITREX) 2015                     | Universiti Malaysia Pahang 9 - 10 Mac 2015               | Emas             | Dr. Muzamir Bin Hasan, Dr. Ngien Su Kong, Norhayati Bte Pangee  | Encapsulated Bottom Ash Column (EBAC)   | Universiti   |
| 3    | Creation, Innovation, Technology & Research Exposition (CITREX) 2015                     | Universiti Malaysia Pahang 9 - 10 Mac 2015               | Silver           | Dr. Mir Sujaul Islam, Fadzil Bin Mat Yahaya, Dr. Edriyana Bte A Aziz, Rosli Bin Yunus, Yasir Arafat, Md Abdus Sobahan, Md Golam Rasul | Developing A Bio - Friendly Two Steps Process for Removing of Heavy Metals From Waste Water | Universiti   |
| 4    | Creation, Innovation, Technology & Research Exposition (CITREX) 2015                     | Universiti Malaysia Pahang 9 - 10 Mac 2015               | Emas             | Dr Doh Shu Ing, Dr Chin Siew Choo, Dr Adri Kusbiantoro, Tan Kim Guan, Wong Yih Kang   | Sewerage Sludge Concrete  | Universiti   |
| 5    | 26 <sup>th</sup> International Invention, Innovation & Technology Exhibition (ITEX) 2015 | 21 - 23 Mei 2015 Kuala Lumpur                            | Emas             | Dr. Doh Shu Ing, Dr. Chin Siew Choo, Dr Andri Kusbiantoro, Wong Yih Kang, Tan Kim Guan  | Char - Iss: Potential Cement Replacement in Concrete  | Antarabangsa |
| 6    | FluidsChE 2015   | Cariff, Universiti Malaysia Pahang 25 - 27 November 2015 | Best Paper Award | Dr Chin Siew Choo, Ir Saffuan B Wan Ahmad, Dr Andri Kusbiantoro, Yih Kang Wong  | Characterization of Sewage Sludge Ash (SSA) in Cement Mortar                                | Universiti   |

## 8. Aktiviti Pelajar

### Lawatan Pelajar ke Melbourne, Australia



Seramai 10 orang mahasiswa tahun 4 telah menyertai program *Around The World* anjuran Pejabat Antarabangsa iaitu lawatan sambil belajar ke Melbourne, Australia. Program selama 6 hari ini diberi tajuk *Route to Sustainable Water and Waste Water Management* bersesuaian dengan objektif utama lawatan ini iaitu untuk melawat pengurusan dan sistem rawatan air dan air sisa. Melbourne di pilih kerana di sini terkenal sebagai tempat yang mempunyai sistem rawatan air dan air sisa terbaik di dunia. Program ini bertujuan memberi pendedahan sebenar kepada pelajar sebagai persediaan mereka ke alam pekerjaan kelak.

## 9. Profesor Tamu



Dalam usaha untuk memantapkan lagi pengurusan dan kualiti akademik di FKASA serta memberi nilai tambah kepada program yang dijalankan, FKASA telah melantik YBhg. Prof. Dr. Ahmad Farhan Mohd Sadullah, Dekan, Pusat Pengajian Kejuruteraan Awam, Universiti Sains Malaysia sebagai Profesor Tamu di FKASA. Dua program telah berjaya dilaksanakan bersama YBhg. Prof. Dr. Ahmad Farhan iaitu *FRGS Application: Tips & Tricks* dan *Seminar on Sustainable Transport: Issues and Challenges in Malaysia* yang dijalankan pada 11 & 12 November 2015.